

NO. SOALAN: 62

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ
[PASIR MAS]**

TARIKH : 16 JUN 2015

RUJUKAN : 7971

SOALAN:

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah menangani kebanjiran pekerja asing tanpa permit di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, langkah-langkah menangani kebanjiran pekerja asing tanpa permit di negara ini adalah dengan mengadakan Operasi Penguatkuasaan secara bersepadu yang melibatkan pelbagai agensi penguatkuasaan secara berterusan, mempercepatkan proses pengusiran dan memperkasakan kawalan pintu masuk dengan menggunakan sistem biometrik.

Kementerian melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) turut membuat naziran ke premis-premis yang terdapat warganegara asing, seperti kawasan luar bandar, kawasan bandar dan premis majikan yang menggaji pekerja asing serta institusi yang mengambil pelajar antarabangsa. Mana-mana pekerja asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 akan diambil tindakan secara tegas.

Tuan Yang di-Pertua,

Punca kehadiran Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di negara ini tidak hanya menjadi tanggungjawab suatu pihak sahaja tetapi sebaliknya melibatkan peranan pelbagai agensi dan pihak. Semua rakyat Malaysia juga perlu turut serta dalam membanteras PATI dengan tidak memberi perlindungan kepada mereka dengan menyewa premis atau harta benda kepada PATI atau menggaji PATI. Selagi

rakyat Malaysia sendiri bersekongkol dengan PATI, adalah sukar bagi agensi penguatkuasa mengurangkan atau membanteras PATI di dalam negara. Namun begitu, usaha-usaha berterusan dan gigih akan terus dilaksanakan oleh Kerajaan demi memastikan kesejahteraan rakyat negara ini tidak dimudaratkan oleh kemasukan warga asing.